

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**

**TARIKH : 21.10.2015**

**SOALAN :**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kedudukan United Examination Certificate dari segi kemasukan universiti awam dan perkhidmatan Kerajaan. Apakah Kerajaan akan mengikut jejak langkah Kerajaan Negeri Sarawak untuk menerima pemegang UEC untuk menyertai perkhidmatan awam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Unified Examination Certificate* (UEC) menggunakan kurikulum yang dibangunkan sendiri oleh Malaysian Independent Chinese Secondary School (MICSS) Unified Examination Board dan tidak selari dengan kurikulum kebangsaan seperti yang ditetapkan dalam Akta Pendidikan 1996. Sebaliknya, dasar kemasukan ke Universiti Awam (UA) memerlukan seseorang calon memiliki sijil yang selari dengan dasar pendidikan kebangsaan.

Oleh demikian, selaras dengan jawapan penggulungan **YAB Timbalan Perdana Menteri** merangkap **Menteri Pendidikan di Dewan Rakyat** pada **10 Jun 2015**, UEC perlulah mematuhi dan selari dengan dasar sedia ada **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** bagi membolehkan kementerian membuat pertimbangan untuk kemasukan ke **Universiti Awam**.

Sehubungan itu, sijil UEC tidak boleh diguna pakai sebagai kelayakan masuk ke UA di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi memandangkan ia tidak diiktiraf oleh KPM.

Bagi kemasukan ke perkhidmatan awam pula, merujuk kepada **Peraturan 5 (1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U. (A) 1/2012]** oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, semua pelantikan ke dalam Perkhidmatan Awam hendaklah mengikut syarat-syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan yang berkuat kuasa. Oleh itu, kelayakan UEC tidak diterima bagi tujuan pelantikan ke jawatan dalam Perkhidmatan Awam kerana ianya adalah kelayakan yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan memandangkan ia tidak selari dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan.